

Qalam

Bilangan 56 * March 1955 – Rejab 1374 * 60 Sen

Tenaga Baharu Dihajati

Jam'iyyat al-Dawah al-Islamiyah atau Persekutuan Seruan Islam se-Malaya dan lebih terkenal dengan panggilan Jam'iyyat ialah sebuah pertubuhan yang telah berdiri dua puluh tahun lebih dan sebuah pertubuhan Islam yang terbesar di Singapura ini dan ada mempunyai cabangan-cabangan di Melaka dan di Pulau Pinang.

Semenjak daripada mula ditubuhkan oleh Almarhum al-'Allamah al-Shaykh 'Abdul 'Alim al-Siddiqi maka pertubuhan itu adalah dari satu ke satu masa berkeadaan mendapat perhatian yang penuh daripada umat Islam di sini dan mendapat pandangan yang baik daripada pihak kerajaan sehingga pada masa sebelum ditubuhkan semula Majlis Penasihat Islam kerajaan Singapura maka segala perkara yang mengenai Islam adalah ditanya fiziran Jam'iyyat lebih dahulu. Di sini zahir bahawa Jam'iyyat bukannya sahaja mendapat perhatian daripada umat Islam sendiri tetapi juga mendapat penghargaan daripada kerajaan – dan sudah tentu suara Jam'iyyat akan dihargai dan apa juar perkara-perkara Islam yang patut dikemukakan adalah sentiasa mendapat perhatian daripada kerajaan.

Semua yang berlaku ini adalah didapat dengan baik tadbir dan kerjasama di antara umat Islam di Singapura khususnya dan dengan baik tadbir dan kerjasama ahli-ahli jawatankuasanya yang menjalankan usaha itu dengan ikhlas dan bersungguh-sungguh hati. Mudah-mudahan jasa-jasa mereka itu bukannya sahaja akan dihargakan oleh umat tetapi juga akan mendapat balasan yang baik daripada Allah.

Melihat kepada perhatian umum sebegitu besar kepada pertubuhan yang telah kuat tajaannya itu maka sudah tentu adalah menjadi kewajipan umat Islam bersama untuk menjalankan usaha-usaha yang berjalan itu setidak-tidaknya menyamai perjalannya yang telah sudah atau pun jika boleh dimaju dan diluaskan lebih luas lagi tentulah menggembirakan dan lebih memberi faedah kepada umat Islam umumnya.

Untuk ini semuanya jika kita pandang keadaannya sekarang maka zahirlah kepada kita bahawa pentadbir-pentadbir Jam'iyyat yang berjasa itu adalah telah lama memberikan tenaganya kepada Jam'iyyah tenaga mana semakin hari semakin lama maka telah lazim apabila kelak orang-orang yang berpengalaman ini sudah tidak ada lagi maka haruslah dengan sendirinya tenaga Jam'iyyah akan berkurang sebab tenaga-tenaga baharu yang belum berpengalaman tidak ada sedikit pun mendapat perhatian mereka supaya dilatih untuk cagaran mengantikan tempat mereka kelak apabila tempat itu telah ditinggalkan mereka.

Oleh sebab harus pada 3 haribulan April Jam'iyyat akan mengadakan mesyuarat agungnya maka semolek-moleknya tatkala mengadakan pilihan-pilihan kelak patutlah diperhatikan supaya tenaga-tenaga muda diketengahkan dan diberi pimpinan untuk mengantikan tempat mereka supaya dengan tenaga yang baharu dan mendapat pimpinan pula dapatlah bahtera Jam'iyyat sentiasa mengambil tempatnya yang baik dan berharga.

Juga perkara-perkara di sekeliling masyarakat Islam di Singapura khususnya sekarang patutlah diperhatikan dengan sangat berat terutamanya keadaan pemuda-pemudanya yang telah banyak menjauhkan dirinya daripada pengajaran Islam. Adalah menjadi seperkara yang sesia sekiranya perkara ini dibiarkan begitu sahaja, tidak mendapat seruan dan didikan agama sedang perhatian hanya dihadapkan kepada menyeru orang-orang yang bukan Islam supaya masuk Islam. Yang demikian harus akan jadi seperti kata pepatah “Yang dikendong berciciran dan yang dikehjarn tak dapat.”

Mudah-mudahan peringatan kita ini mendapat perhatian bersama.

* * *

Bahasa Kebangsaan di Malaya

Dato' Onn di dalam kenyataan-kenyataan di hadapan umum menyatakan

bahawa bahasa Melayu itu ialah bahasa kebangsaan yang diperjuangkan oleh parti negara dan dan parti negara adalah memperjuangkan maslahat-maslahat umat Melayu. Ia lebih hampir kepada Indonesia yang sebangsa dengan bangsa Melayu daripada menuju ke utara yang dijalankan oleh pertubuhan lain atau dengan lebih terangnya perkataan itu dihadapkannya kepada Perikatan UMNO – M.C.A. yang dikatakan tidak ada jaminan bagi orang-orang Melayu.

Percakapan-percakapan yang semacam ini harus akan lebih banyak keluar terutamanya di dalam usaha-usaha untuk menarik umat kepada sesebuah pertubuhan bagi mengundi di dalam pilihan-pilihan raya hadapan.

Dan sudah tentu segala janji-janji akan timbul untuk menarik pengundi-pengundi supaya mengundi calon-calon mereka.

Bagi janji-janji seperti yang disebut oleh Dato' Onn itu adalah suatu janji yang boleh dibuktikan lebih dahulu sebelum adanya kejayaan calon-calon mereka. Patut benar Dato' Onn dengan parti negaranya mengotakan apa yang dikatakan supaya dapat dilihat oleh umum iaitu supaya wakil-wakilnya di dalam Federal Council tampil ke tengah bercakap atau berbahas hanya dengan bahasa kebangsaannya (Melayu) – tidak di dalam bahasa Inggeris. Marilah kita tunggu langkah-langkah dan bukti-bukti ini kerana kalau pengakuan tidak berbukti bermakna orang ramai hanya diberi perkataan yang manis dan menarik sahaja sedang buktinya kosong.

* * *

Di Mana PAS Sekarang?

Sudah jelas kepada kita sekarang bahawa kedudukan umat Islam di Malaya tidak tahu ke mana hendak meletakkan

kepercayaannya untuk memperjuangkan nasibnya pada masa yang akan datang. Ke UMNO atau ke Parti Negara – keduanya tidak jelas perjuangannya kerana menegakkan cita-cita Islam yang diwajibkan oleh Tuhan kepada pemeluk-pemeluknya.

Sedang di sebalik itu ada pertubuhan Islam se-Malaya tetapi malangnya hingga hari ini pertubuhan itu tidak menegaskan kedudukannya dan tidak mahu mengisyiharkan parti disiplin di dalam pertubuhannya sehingga dengan kerana itu PAS duduk terumbang-ambing di antara dua pertubuhan Melayu yang besar sekarang ini.

Melihat kepada tanggungan dan kewajipan tiap-tiap umat Islam untuk menegakkan kalimah al-tawhid di dalam tiap-tiap negaranya maka sudah sampailah masanya supaya PAS mengisyiharkan parti disiplinnya dan bekerja dengan jihadnya menyampaikan seruan Allah kepada umat-Nya, mengadakan persatuan untuk menegakkan kalimah al-Haq – dengan tidak berselindung dan segan-segan lagi.

Hadapilah umat Islam dan pimpinlah mereka dengan terlebih dahulu menanam perasan itu kepada umat di kampung-kampung supaya ia menjadi akar perjuangan. Janganlah hendaknya terus menghala ke atas dahulu yakni bergiat di dalam pilihan raya tetapi tidak bekerja untuk menyatukan umat dan mengingatkan bahawa kewajipan umat Islam ialah menunaikan janjinya yang diucapkan lima kali sehari semalam iaitu: Sembahyangnya, pengorbanannya, hidup dan matinya kerana Allah Subḥānahu wa Ta‘ālā, berjuanglah kerana menegakkan kalimat al-Haq, berjihadlah kerana mendirikan kalimat Allah *hiya al-‘ulyā* – itulah hendaknya menjadi simbol atau semboyan pimpinan PAS! Ingatlah! Kita sekarang menghadapi pancaroba yang menghendaki umat Islam bangkit dan bangun menyedarkan umat mengingatkan keimanannya kepada seruan junjungan kita Muhammad (SAW) supaya menyempurnakan tanggungannya berjuang kerana agamanya. Mudah-mudahan Allah beri pertunjuk dan hidayah kepada pemimpin-pemimpin PAS supaya menyatakan sesuatu dengan tegas dan tidak berganjak.